

SOALAN NO. : 18

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : DR048

SOALAN :

YBhg. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sebagai Pengurus Majlis Tanah Negara, berapakah rekod Tanah Simpanan Melayu di setiap negeri bagi setiap 10 tahun dari tahun 1960, 1970, 1980, 1990, 2000, 2010 dan pada akhir tahun 2014.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Urusan perizapan Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan.

Peranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) sebagaimana termaktub dalam Seksyen 8, Kanun Tanah Negara, ialah untuk memberi nasihat dan menyelaraskan isu-isu yang berhubung dengan tanah. Dalam konteks ini, tugas JKPTG ialah membantu kerajaan negeri mengemaskini data Tanah Rizab Melayu (TRM).

Oleh yang demikian, maklumat terperinci dan terkini di selenggara oleh Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (19)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015
[KHAMIS]

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang membuat kajian untuk menyeragamkan sistem bayaran meletak kereta di seluruh Malaysia yang sekarang mempunyai beberapa sistem seperti penggunaan mesin dan wang syiling, kupon dan mesin pembayaran kepada sistem yang menggunakan kad sebagai contoh kad "Touch n Go" atau lain-lain yang berkonsep "cashless".

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem kutipan bayaran parkir di seluruh Negara yang diselaras dan dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih lagi menggunakan wang syiling dan sistem kupon. Walaupun begitu, terdapat juga premis-premis persendirian seperti pusat beli belah dan hotel telah pun menggunakan sistem kutipan bayaran parkir yang berkonsepkan “*Touch n Go*”.

Pada masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) sedang menyemak semula Draf Garis Panduan Perancangan (GPP) Tempat Letak Kenderaan (TLK). Garis Panduan yang sedang disediakan ini adalah merangkumi prinsip-prinsip perancangan, garis panduan umum dan khusus.

GPP ini turut menyentuh berkenaan pengurusan tempat letak kenderaan (TLK) termasuklah sistem bayaran TLK. Sistem bayaran yang dinyatakan di dalam GPP ialah penggunaan sistem meter tunggal / meter berpusat, tiket / kupon atau kad pintar.

KPKT menyambut baik cadangan untuk menyeragamkan sistem bayaran parkir kepada satu sistem berkonsepkan “cashless” yang lebih mesra pelanggan dan boleh dipertimbangkan sebagai salah satu program di bawah Pelan Transformasi PBT.